



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 16 JULAI 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	SARAWAK HOSTS THIRD SERIES OF ROAD TO MAHA 2022, MELODY INTER.COM - ONLINE SARAWAK RANGKA DASAR EKONOMI CAPAI HASRAT JADI PENGEKSPORT BERSIH, FREE MALAYSIA TODAY -ONLINE SIRI KETIGA ROAD TO MAHA DIMERIAHKAN DI SARAWAK, TVSTY.MY -ONLINE HARGAI JASA PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN – KM, MELAKA HARI INI - ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
5. 6. 7. 8. 9.	HARGA DURIAN LEBIH MURAH MINGGU INI: FAMA, MALAYSIA MSN -ONLINE JDLKM TAWAR PELBAGAI BARANG KEPERLUAN HARIAN, UTUSAN BORNEO SABAH -ONLINE LULUSAN KEJURUTERAAN TANAM TIMUN, KOSMO -ONLINE STREET FOOD AND FUN ACTIVITIES AWAIT YOU AT YOUTH AND SPORTS CARNIVAL IN PAHANG, SIN CHEW DAILY -ONLINE SIN CHEW DAILY -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/7/2022	MELODY INTER.COM	ONLINE	

Sarawak hosts third series of Road To MAHA 2022



GEDONG (Sarawak), July 16 — The third series of the Road To MAHA 2022 programme in Gedong today is a promotional programme for the upcoming Malaysia Agriculture, Horticulture and Agro Tourism Exhibition (MAHA) 2022 that will be held in six other locations nationwide, said the Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) deputy secretary-general (Development) Datuk Badrul Hisham Mohd.

MAHA 2022 will be held from August 4 to August 14 at the Malaysia Agro Exposition Park in Serdang, Selangor with the theme 'Food Security for the Future'.

"Today in Gedong we can see many promotional activities for MAHA are being held such as the event held by the Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) to introduce fruits from the Artocarpus family such as jackfruit, cempedak, breadfruit and nangchem (a cross-breed between jackfruit and cempedak).

"We have also selected nine dishes unique to Sarawak such as Sarawak laksa, bihun belacan, ayam pansuh among others and five Sarawak entrepreneurs to participate in the upcoming MAHA 2022," he said.

He said this to reporters after attending the National Anti-Drug Day celebration and the 'Jualan Terus Dari Ladang Keluarga Malaysia' (JTDLKM) programme in Dataran Gedong, today.

MAHA is a platform for business matching activities, technology exhibitions and the latest innovations in the field of agriculture and is expected to generate more than RM250 million in potential sales value.

Badrul Hisham said for Sarawak, MAFI aimed to collect RM400,000 in sales of the state's agricultural products.

Meanwhile, FAMA deputy director-general (Development) Datuk Mohamad Mustahapa Awang said the JTDLKM programme managed to record a total sales quantity of 588 metric tonnes involving vegetables, fruits and fish from June 1 until July 10.

He said the special sales programme is held in collaboration with agencies under MAFI namely FAMA, Farmers' Organisation Authority (LPP), Fisheries Development Authority (LKIM), National Farmers' Organisation (NAFAS) and National Fishermen's Association (NEKMAT).

"A total of 8,400 entrepreneurs are involved in the programme with a target sale of RM10.5 million," he added. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/7/2022	FREE MALAYSIA TODAY	ONLINE	

Sarawak rangka dasar ekonomi capai hasrat jadi pengeksport bersih



Premier Sarawak Abang Johari Openg menikmati air kelapa pada acara jualan ladang di Dataran Gedong, Sarawak, hari ini. (Gambar Bernama)

GEDONG: Kerajaan Sarawak akan merangka dasar ekonomi menjurus kepada pengeksportan produk yang bakal memberikan impak positif kepada ekonomi negara menjelang 2030, kata Premier Sarawak Abang Johari Openg.

Beliau berkata dasar ini akan dibuat sejajar dengan dasar ekonomi nasional melibatkan sektor pertanian yang perlu dirangka dengan teliti dan jelas bagi memastikan Malaysia menjadi negara pengeksport bersih.

“Kalau ada dasar yang betul dari sudut pertanian, kita boleh jadi pengeksport bersih. Sarawak ada tanah yang luas, kuasa elektrik yang murah serta kita ada kepakaran.

“Kalau Sarawak mampu (melaksanakan dasar sedemikian), Malaysia pun mampu kerana ia akan beri kesan kepada ekonomi negara apabila kita dapat menyumbang kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK),” katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada majlis sambutan Peringatan Hari Antidadah Kebangsaan dan Program Jualan Terus Dari Ladang Keluarga Malaysia (JTDLKM) di Dataran Gedong, hari ini.

Turut hadir Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Alexander Nanta Linggi, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Badrul Hisham Mohd dan Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Mohamad Mustahapa Awang.

Sementara itu, Abang Johari yang juga Ahli Parlimen Gedong berkata sebuah kampus satelit mini Universiti Swinburne Sarawak akan diwujudkan di Gedong khusus bagi penyelidikan serta teknologi berkaitan padi dan pertanian.

Beliau menekankan pendekatan pertanian cara moden dan baharu perlu dilaksanakan di negeri ini bagi mengurangkan kebergantungan kepada hasil import.

“Beberapa hari yang lepas saya ada mengarahkan Pro Canselor University Swinburne untuk membina makmal di Gedong dan kita akan adakan satu lagi kampus satelit di Unimas (Universiti Malaysia Sarawak) untuk penyelidikan. Kerajaan negeri akan menanggung kosnya,” katanya.

Sebelum ini, media melaporkan makmal penyelidikan pertanian bakal dibangunkan di kawasan ini dengan padi biris, cili, pisang, tomato, avokado dan lada sebagai antara tanaman yang diberi perhatian.

Dalam perkembangan lain, Abang Johari berkata keputusan Indonesia membekukan sementara kemasukan pekerja ke Malaysia tidak memberi impak besar kepada negeri itu jika ia melibatkan sektor pembantu domestik.

Beliau berkata Konsul Jeneral Indonesia di Sarawak Raden Sigit Witjaksono memaklumkan kepadanya bahawa perbincangan antara kerajaan Malaysia dan Indonesia setakat ini menyentuh isu pelanggaran syarat tentang pembantu domestik.

“(Kalau) masalah yang dibincangkan (hanya tentang perkhidmatan domestik), Sarawak tidak ada masalah sangat. Tapi disebabkan polisi negara (melibatkan semua sektor), kita terjejaslah,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri Sambutan Peringatan Hari Antidadah Kebangsaan dan Program Jualan Terus Dari Ladang Keluarga Malaysia di sini hari ini.

Duta Besar Indonesia ke Malaysia Hermono pada Rabu berkata, Indonesia menghentikan sementara semua proses berkaitan pengambilan pekerja dari negaranya di semua sektor berkuat kuasa serta merta.

Katanya, ia susulan wujud salah faham dalam penggunaan sistem yang sudah dimeterai untuk digunakan sebelum ini dan pihaknya sudah menghantar maklum balas itu kepada Menteri Sumber Manusia M Saravanan berhubung perkara terbabit.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/7/2022	TVSTV.MY	ONLINE	

Siri ketiga Road To MAHA dimeriahkan di Sarawak



GEDONG, 16 Julai : Siri ketiga Road To MAHA 2022 yang diadakan di negeri ini merupakan satu daripada tujuh lokasi terpilih di seluruh negara, kata Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Datuk Badrul Hisham Mohd.

“Hari ini di Gedong kita dapat lihat pelbagai aktiviti promosi MAHA diadakan seperti Lembaga Pemasaran

Pertanian Persekutuan (FAMA) memperkenalkan ‘fruit of the event MAHA’ iaitu keluarga Artocarpus seperti nangka, cempedak, sukun dan nangchem.

“Selain itu, kita telah memilih sembilan menu makanan seperti laksa Sarawak, bihin belacan, ayam pansuh serta lain-lain dan lima usahawan dari negeri Sarawak yang telah disaring akan berada di MAHA 2022,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis sambutan Peringatan Hari Antidadah Kebangsaan dan Program Jualan Terus Dari Ladang Keluarga Malaysia (JTDLKM) di Dataran Gedong, hari ini.

Road to MAHA diadakan sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 yang akan berlangsung pada 4 hingga 14 Ogos ini bertempat di MAEPS, Serdang, Selangor dengan tema ‘Sekuriti Makanan Untuk Masa Depan’.

Ia merupakan platform bagi aktiviti pepadanan perniagaan, pameran teknologi dan inovasi terbaharu dalam bidang tani yang dijangka menjana lebih RM250 juta potensi nilai jualan.

Badrul Hisham berkata bagi Sarawak, MAFI menyasarkan kutipan jualan produk pertanian negeri itu sebanyak RM400,000, tidak termasuk produk makanan Bumi Kenyalang.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) FAMA Datuk Mohamad Mustahapa Awang berkata dari 1 Jun hingga 10 Julai, program JTDLKM mencatatkan kuantiti jualan keseluruhan berjumlah 588 tan metrik melibatkan sayur-sayuran, buah-buahan dan ikan.

“Program khas JTDLKM merupakan kerjasama lima agensi di bawah MAFI iaitu FAMA, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dan Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT).

“Seramai 8,400 usahawan terlibat dengan sasaran nilai jualan adalah sebanyak RM10.5 juta,” katanya. -TVS

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/7/2022	MELAKA HARI INI	ONLINE	

Hargai jasa peladang, penternak dan nelayan – KM



SULAIMAN tertarik dengan teknologi dron yang digunakan dalam aktiviti pertanian

AYER KEROH 16 Julai – Kerajaan negeri mensasarkan 10,000 pengunjung akan singgah ke sambutan Hari Peladang, Penternak, dan Nelayan Negeri Melaka (HPPNM) tahun 2022 di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), selama tiga hari berakhir esok.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata HPPNM bertemakan Pertanian Pemangkin Ekonomi Keluarga Malaysia itu membabitkan 92 penyertaan dalam kalangan petani, peladang dan penternak seluruh negeri Melaka.

Katanya, program selama tiga hari itu turut menyasarkan nilai jualan sebanyak RM 1.5 juta.

“HPPNM ini bertujuan untuk menghargai dan meraikan segala titik peluh dan sumbangan warga peladang, penternak dan nelayan dalam menghasilkan rezeki disamping meningkatkan pertumbuhan ekonomi di Melaka.

“Mereka ini tulang belakang kepada ekonomi Keluarga Malaysia dan jasa mereka tidak dipandang rendah malah perlu diangkat tinggi dalam usaha memastikan kelestarian bekalan makanan.

“Merujuk laporan sosioekonomi negeri Melaka, sektor pertanian negeri Melaka telah mencatatkan kadar peningkatan sebanyak RM4.6 bilion dan menyumbang sebanyak 11.6 peratus dalam keseluruhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Melaka.

“Rekod itu juga telah mengangkat Melaka di kedudukan pertama yang mencatatkan pertumbuhan positif tertinggi bagi sektor pertanian diikuti oleh Johor sebanyak 3.1 peratus, Pahang 1.6 peratus dan Perak 1.4 peratus,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan Perasmian HPPNM di MITC hari ini.

Hadir sama, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1 (MAFI) Datuk Seri Ahmad Hamzah, EXCO Kanan Perindustrian, Pelaburan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Datuk Seri Ab Rauf Yusoh dan EXCO Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Abdul Razak Abdul Rahman serta kenamaan lain.



PEMENANG pertandingan anjuran jabatan dan agensi pertanian bergambar bersama Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali.

Pada majlis sama 16 pemenang menerima hadiah menerusi pertandingan-pertandingan anjuran Lembaga Pertubuhan

Peladang, Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Insititut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutan (FAMA).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/7/2022	MALAYSIA MSN	ONLINE	

Harga durian lebih murah minggu ini: FAMA

SHAH ALAM - Harga purata bagi kebanyakan varieti buah bermusim di Semenanjung Malaysia pada minggu ini lebih rendah berbanding waktu sama tahun lalu.



© Provided by Sinar Harian Harga durian lebih murah minggu ini: FAMA

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menerusi ciapannya di Twitter pada Sabtu berkata, harga purata yang direkodkan itu lebih rendah walaupun harga minggu ini menunjukkan aliran peningkatan yang minimum berbanding minggu lalu.

Katanya, peningkatan minimum itu selaras dengan penurunan bekalan khususnya di Johor.



© Provided by Sinar Harian Harga durian lebih murah minggu ini: FAMA

"Namun secara umumnya, harga puratanya lebih rendah berbanding tahun lalu pada waktu yang sama," katanya.

FAMA turut menyenaraikan perbandingan harga beberapa varieti buah bermusim tersebut mengikut kilogram antaranya durian musang king yang purata harga semasanya RM46

berbanding RM47 pada tahun lalu.

Ia diikuti durian D24 yang purata harganya kini RM24 berbanding RM25 pada waktu sama tahun lalu, durian IOI RM25 (RM27), durian klon RM16 (RM20), durian kampung RM10 (RM10.50) dan manggis RM6.75 (RM8.95).



16 JUL, 2022

JTDLKM tawar pelbagai barang keperluan harian

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 1 of 2

JTDLKM tawar pelbagai barang keperluan harian

Ruang pengguna berjimat antara lima hingga 10 peratus daripada harga pasaran setempat

KOTA KINABALU: Program khas Jualan Terus Dari Ladang Keluarga Malaysia (JTDLKM) yang dilaksanakan di beberapa daerah di Sabah berjaya memberi ruang kepada pengguna untuk mendapatkan barangan keperluan harian.

Menerusi program itu juga, ia dapat memberi nilai penjimatan kepada pengguna sekurang-kurangnya lima sehingga 10 peratus dari harga pasaran setempat bagi produk terpilih.

Antara lokasi JTDLKM yang dilaksanakan di negeri ini adalah seperti di pasar tani dan pasar tamu di Sandakan, Kota Kinabalu, Ranau, Kinabatangan, Keningau, Tawau dan Papar.

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Sabah dalam satu kenyataan berkaedah, menerusi program itu juga seramai 200 peserta atau peniaga menyertai JT-



PELBAGAI: Antara produk yang dipasarkan pada program khas JTDLKM.

DLKM.

"Program yang diadakan di Sabah ini melibatkan tujuh lokasi dimana satu hingga dua kali seminggu dilaksanakan mengikut lokasi yang ditetapkan. Selain di Sabah, program ini juga turut dilaksanakan di

Labuan.

"Menerusi program ini juga kita telah mensasarkan hasil pendapatan jualan adalah sebanyak RM500,000 sehingga Ogos depan," menurut kenyataan itu di sini kelmari.

JTDLKM ini juga se-

laras dengan saraan Perdana Menteri Daruk Seri Ismail Sabri Yaakob untuk menghidupkan semula konsep Jihad Memerangi Orang Tengah yang bertujuan untuk memendekkan rantaian pemasaran agromakanan bagi

memberi harga yang terbaik kepada pengguna.

Program khas JTDLKM ini merupakan kerjasama tiga agensi di bawah MAFI iaitu FAMA, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dan Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEK-MAT) akan dilaksanakan di lokasi kawasan perumahan, pejabat kerajaan dan projek-projek peruncitan bimbingan agensi-agensi.

Komoditi terpilih yang ditawarkan adalah ayam, ikan, sayur-sayuran, buah-buahan, daging dan barangan runcit.

FAMA turut mempromosikan Ekspo Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia 2022 (MAHA 2022) yang bakal diadakan pada 4 Ogos sehingga 14 Ogos 2022 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang.

Tema pengajuran MAHA 2022 tahun ini iaitu 'Sekuriti Makanan Untuk Masa Depan' bertepatan dengan cabaran yang sedang dihadapi negara dan global ketika ini.

Pihak MAFI juga menyasarkan hasil jualan melebihi RM250 juta dengan kunjungan 100,000 orang setiap hari.

FAMA terlibat secara langsung dalam pengajuran MAHA 2022 di dalam beberapa kluster iaitu Empayar Makanan yang akan menyajikan makanan Keluarga Malaysia, Castle of Fruit pula akan mempromosikan fruit of the event iaitu Keluarga Artocarpus seperti Cempedak, Nangka, Nangchom dan Sukun serta kluster Agrotrade, Food Truck Fiesta.

Ini secara tidak langsung memberi peluang kepada hampir 174 usahawan untuk menyertai ruang perniagaan yang disediakan oleh FAMA sempena MAHA 2022.



16 JUL, 2022

JTDLKM tawar pelbagai barang keperluan harian

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Ruang pengguna berjimat antara lima hingga 10 peratus daripada harga pasaran setempat

KOTA KINABALU: Program khas Jualan Terus Dari Ladang Keluarga Malaysia (JTDLKM) yang dilaksanakan di beberapa daerah di Sabah berjaya memberi ruang kepada pengguna untuk mendapatkan barangan keperluan harian. Menerusi program itu juga, ia dapat memberi nilai penjimatan kepada pengguna sekurang-kurangnya lima sehingga 10 peratus dari harga pasaran setempat bagi produk terpilih.

16 JUL, 2022

Lulusan kejuruteraan tanam timun



Kosmo, Malaysia

Page 1 of 2

Graduan UniKL tekad ceburi bidang pertanian, mampu jana pendapatan

Lulusan kejuruteraan tanam timun

Oleh NOR AINNA HAMZAH

TAMPIN - Tidak mahu membuang masa semata-mata menunggu peluang pekerjaan tetap, seorang lulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Biosistem) Universiti Kuala Lumpur (UniKL) tekad untuk menceburi diri dalam bidang pertanian.

Rabiatul Adawiyah Nordin, 30, berkata, dia lebih bersemangat untuk mengusahakan sebanyak 1,480 tanaman timun di tanah seluas kurang 0.4 hektar di FELDA Pasir Besar, Gemas apabila diberikan galakkan oleh suaminya, Ikmal Saifqaz Abdullah, 30, yang turut bersamanya dalam bidang tersebut.

Menurutnya, bermodalkan dengan bantuan Program Agropreneur Muda dan tanah yang dimohon daripada pihak Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan

(Felda), dia serta suaminya kini mampu menjana pendapatan untuk keluarga melalui projek tanaman timun itu.

"Masa kami usahakan tanaman timun ini dua tahun lalu, kami berhadapan dengan dugaan apabila pasaran timun yang perlahan akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Bagaimanapun, kami tidak pernah patah semangat dan terus mengusahakan tanaman ini.

"Sehingga penghujung Jun lalu, kami sudah menuai hasil timun lebih lina tan dan pasarnya dijalankan menerusi bantuan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (BAMA)," katanya ketika ditemui di kebunnya di FELDA Pasir Besar, Gemas, di sini baru-baru ini.

Adawiyah memberitahu, sebelum tanaman timun, mereka suami isteri pernah mengusaha-

kan projek tanaman cili fertigasi, namun disebabkan masih belajar dalam bidang pertanian, projek tersebut tidak mengeluarkan hasil seperti yang dijangkakan.

Bagaimanapun ujarnya, minat yang mendalam dalam bidang pertanian terutama suaminya sendiri menjadikan mereka tidak mudah berputus asa dalam mengharungi dugaan.

"Kami kemudian tanam timun menggunakan teknik fertirasi gantung.

"Kaedah ini lebih fleksibel untuk mengutip hasil tanpa perlu membongkok serta tanaman juga tidak terganggu dengan rumput," katanya.

Dia turut menyarankan kepada lepasan universiti untuk tidak memilih pekerjaan dan perlu cuba menceburi diri dalam bidang pertanian yang mampu menjana pendapatan.



RABIATUL ADAWIYAH kini mengusahakan kira-kira 1,480 tanaman timun di kebunnya di FELDA Pasir Besar, Gemas, Tampin.



16 JUL, 2022

Lulusan kejuruteraan tanam timun

Kosmo, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Graduan UniKL tekad ceburi bidang pertanian, mampu jana pendapatan

TAMPIN - Tidak mahu membuang masa semata-mata menunggu peluang pekerjaan tetap, seorang lulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Biosistem) Universiti Kuala Lumpur (UniKL) nekad untuk menceburi diri dalam bidang pertanian. Rabiatul Adawiyah Nordin, 30, berkata, dia lebih bersemangat untuk mengusahakan sebanyak 1,480 tanaman timun di tanah seluas kurang 0.



16 JUL, 2022

Street food and fun activities await you at Youth and Sports Carnival in Pahang

Sin Chew Daily (East Coast), Malaysia



位于关丹广场处也举办市集活动



郑联科(中)接受彭亨广播电视台访问，为“2022年彭亨青年与体育嘉年华”进行宣传造势。



“2022年彭亨青年与体育嘉年华”系列活动一连三天在关丹市政厅礼堂、关丹广场，以及关文汀草场举行。

报道 / 摄影 / 梁光耀

街頭小吃 歡樂活動登場 彭青年嘉年華會開跑

【关丹15日讯】由青年及体育部、彭亨州政府及关丹市政府联合举办的“2022年彭亨青年与体育嘉年华”系列活动已于今天开始至17日（星期日），一连三天在关丹市政厅礼堂、关丹广场，以及关文汀草场举行。

青年及体育部副部长拿督斯里郑联科昨天接受彭亨广播电视台访问时披露，该部今年3月已经在霹靂州举办了第一场青年与体育嘉年华，并且受到非常积极踊跃的回馈，因此决定把第二场青年与体育嘉年华活动带到东海岸，并选择在彭亨州首府关丹举办。

现场缴罚单有折扣

他说这场连续3天举行的嘉年华会，现场除了提供交通罚单高达50%折扣优惠，也通过联邦农业销售局（FAMA）举办农业市集（Agro Bazar），邀得30家私人企业与机构参与举办的职业展及面试活动，以及由彭亨州卫生局、CRSM马华志工团及MEDICAP私人有限公司提供的健康检验服务，也举办街头小吃市集。



主办单位已经完成会场布置，并于本星期六上午11时至傍晚6时举办角色扮演派对，以及角色扮演挑战活动。

其他户外活动，包括于本星期六举办的5公里趣味竞跑（Fun Run 5km），以及10公里与30公里欢乐骑（Fun Ride 10km & 30km）。

办电竞嘉年华角色扮演

而在关丹市政厅礼堂内，也连续三天举行电竞嘉年华（E-sports Carnival），游戏项目计有：PUBG、MLBB、Free Fire与FIFA。同时，本星期六上午11时至傍晚6时，也举办“Coswalk Party-Anime Cosplay”角色扮演派对，以及角色扮演挑战“Anime Fun Walk Challenge”。

其他节目也包括在关文汀草场举办的2022年泰拳青年全国公开赛、Battle of The Band乐队表演、彭亨州青年理事会50周年金禧点球联谊赛及室内五人足球赛、足球诊所、极限运动（X-games）拼板、BMX脚踏车及速度车展（Velocity MotorShow）等。

另外，可直接登记（walk-in）参与的活动，包括：韵律操、跳绳、体能挑战、传统运动及盲人足球。

封3路辦無車日競跑

与此同时，配合即将于本星期六早上6时30分开始至上午10时举办的关丹无车日趣味竞跑活动，关丹市政府也于活动举办期间暂时关闭市区3条主要道路，分别为关丹大街、关文汀路，以及丹那布黎路。



16 JUL, 2022

Street food and fun activities await you at Youth and Sports Carnival in Pahang

Sin Chew Daily (East Coast), Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

街頭小吃歡樂活動登場

彭亨青年嘉年華會開跑(关丹15日讯) 由青年及体育部、彭亨州政府及关丹市政厅联合举办的“2022年彭亨青年与体育嘉年华会”，一系列活动已于今天开始至17日(星期日)，一连三天在关丹市政厅礼堂、关丹广场，以及阁文汀草场举行！青年及体育部副部长督斯里郑联科昨天接受彭亨广播电台访问时披露，该部今年3月已经在霹靂州举办了第一场青年与体育嘉年华会，并且受到非常积极踊跃的回应，因此决定把第



农民在其位于笨珍县北干那那的榴梿园，收成榴。

(新山16日讯) 柔佛州是全国最大的榴梿生产州之一，目前有逾3万名农民种植榴梿，柔佛州农业局希望今年能售出超过220万令吉的榴梿，占柔佛州生产水果中的32%。

ADVERTISEMENT



柔佛州农业局副局长(发展)莫哈末哈菲兹披露，今年至7月为止，柔佛州有3万1255名种植榴梿的农民，榴梿园面积达2万5004公顷。

对此，他说，该局定下今年生产12万5000吨榴梿，预计销售额约220万令吉。



莫哈末哈菲兹：期望达到220万令吉销售量。

根据英文《星报》前日报导，莫哈末哈菲兹受访时透露，柔佛州的榴梿季节也快要结束了。

“整体来说，榴梿的价格保持，只是因业者的销售方式不同，而有些地区的猫山王品种榴梿售价为每公斤20令吉和每公斤50令吉，取决于品质、级别，以及业者如何销售。但自新冠肺炎疫情爆发后，本地人也更注重健康，并且更精明消费。”

莫哈末哈菲兹透露，该局正在草拟明年的各种类农作物的农合奖励，并且已获得中央政府和柔佛州政府的1500万令吉拨款，用于帮助不同类型的农民，而有关奖励会以树苗、清理园地、种植围栏、化肥等农业上需要的产品方式给予受惠农民，每公顷的奖励约2万令吉。

他说，只有约60%的农民知道有这项奖励，因此希望接下来能有更多农民申请，申请会在10月份审理，11月份批转，并于明年2月获得奖励，这是项年度计划，因此逾期申请会登记成为明年的申请。

“今年这项1500万令吉的拨款，将让1322名农民受惠。”



阿兹兹阿兹敏：榴梿产量减少20%。



高兴

0



惊讶

0



愤怒

0



悲伤

0



无聊

1

*本網站有權刪除或封鎖任何具有性別歧視、人身攻擊、庸俗、詆毀或種族主義性質的留言和用戶；必須審核的留言，或將不會即時出現。

0条评论

排序方式 从新到旧



添加评论...

Facebook 评论插件



相关新闻

🕒 2022年7月17日 2小时前

[尾季供应减 榴梿小幅涨价](#)

🕒 2022年7月13日 4天前

[68令吉在马买发酸猫山王 网怨：“不如在新加坡买黑金”](#)

🕒 2022年7月12日 5天前

[巫程豪讽柔佛某人 在后山培育“BD榴莲”](#)

🕒 2022年7月10日 1星期前

[柔佛人头条 果王盛产价格平衡 马新老饕组团吃榴梿](#)